

05/01/1997

Pembalakan haram bukan punca tragedi

Lichong Angkui

KOTA KINABALU: Tragedi banjir kilat selepas ribut Greg yang melanda daerah Keningau baru-baru ini bukan disebabkan oleh kegiatan pembalakan haram atau pembalakan berlebihan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bencana yang mengorbankan lebih 180 nyawa setakat ini, menjadi lebih serius disebabkan kombinasi beberapa faktor, antaranya pertanian pindah, penempatan haram di pinggir dan dalam sungai serta keadaan topografi kawasan itu sendiri.

Menurutnya, berdasarkan taklimat, tinjauan dari udara ke kawasan terbabit serta gambar dan rakaman video, didapati tidak ada sebarang kegiatan pembalakan dijalankan di sepanjang Banjaran Crocker.

"Jadi tuduhan bahawa (tragedi) ini disebabkan pembalakan haram atau pun pembalakan berlesen adalah tidak benar, tapi tanah runtuh banyak... berpuluh tempat ada tanah runtuh.

"Tanah runtuh ini disebabkan oleh dulu ada kegiatan pertanian pindah dan kawasan itu sudah ditebang pokok, menyebabkan tanahnya mudah runtuh. Tapi pembalakan haram saya tak nampak. Selain itu, di tempat yang dimiliki orang tempatan, mereka menebang pokok dan menjualnya... tapi ini bukan kawasan konsesi, sebaliknya tanah orang tempatan.

"Jadi nak kata pembalakan berlesen atau pembalakan haram tak benar di kawasan itu," katanya dalam sidang akhbar di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini, sebelum berlepas pulang ke ibu negara petang semalam.

Perdana Menteri yang tiba pada pagi untuk lawatan kerja sehari, menghabiskan masa lebih empat jam meninjau daerah Keningau, kawasan paling teruk dilanda tragedi berkenaan.

Beliau tiba kira-kira jam 10 pagi dari Kuala Lumpur dan terus diberi taklimat sebelum menaiki helikopter Nuri ke Keningau, dengan diiringi Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, serta hampir semua menteri Kabinet negeri, untuk melihat keadaan tragedi itu.

Di Keningau, Dr Mahathir diberi taklimat di Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah dan kemudian melihat perkampungan terjejas di sepanjang Sungai Pampang. Selepas itu, beliau melawat pusat pemindahan sementara di Dewan Masyarakat Keningau dan Kompleks Sukan Keningau.

Dr Mahathir berkata, tragedi itu meragut banyak nyawa kerana kebanyakan rumah terbabit dibina di pinggir dan dalam sungai, sekali gus memudahkan arus deras menghanyutkannya.

"Saya dapati sebenarnya tragedi ini berlaku kerana mereka (mangsa) tinggal di tempat yang tidak selamat iaitu mereka membina rumah bukan saja di tebing, tetapi sebenarnya di dalam sungai," katanya.

Oleh itu, katanya, apabila air sungai naik dan arus deras, rumah yang dibina dengan mudah mengalami kerosakan.

Beliau menegaskan sepatutnya tidak ada siapa yang dibenarkan tinggal di dalam atau tebing sungai kerana ia amat berbahaya. Malah, bagi penduduk terbabit mereka menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan najis dan sampah-sarap dan ia perbuatan tidak baik.

Dr Mahathir berkata, keadaan topografi kawasan terbabit yang mempunyai cerun agak curam boleh menyebabkan tanah runtuh dengan mudah, apatah lagi jika berlaku kegiatan pertanian pindah.

Katanya, di bahagian bawah cerun yang curam itu ada lembah dan sungai, justeru apabila tanah runtuh, air akan mengalir deras dan bertakung yang apabila terlalu banyak menyebabkan tebatan pecah.

"Apabila ini terjadi, pokok tumbang akan turut dihanyutkan sehinggalah ke Keningau," katanya.

Menurutnya, kegiatan pertanian pindah yang banyak berlaku di Sabah dan Sarawak adalah amalan tidak sihat kerana boleh membawa bencana alam selain tidak lagi ekonomik.

Malah, kata beliau, dalam tinjauan dari udara ada kelihatan kawasan sehingga paras 3,000 hingga 4,000 kaki diteroka oleh pengamal pertanian pindah.

Dr Mahathir turut mengaitkan amalan tidak sihat itu dengan usaha aktivis alam sekitar, Bruno Manser, yang menggalakkan rakyat untuk terus dalam kehidupan tradisional seperti pertanian pindah.

"Inilah yang Manser nak sangat ini... supaya semua orang tebang pokok dan bakar pokok, buat pertanian pindah. Kerajaan nak mereka (penduduk) mewujudkan penempatan tetap di tempat tertentu supaya dapat membantu mereka menjalankan kegiatan pertanian secara tersusun," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata sejak kebelakangan ini kegiatan pertanian pindah itu sudah berkurangan.

(END)